



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	8/11/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	KATS / SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Kedah kaji bina telaga tiub atasi isu air

SUNGAI PETANI - Kerajaan Kedah sedang mengkaji kesesuaian mewujudkan telaga tiub di kawasan bermasalah bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air bersih khususnya berdekatan Gunung Inas, Baling.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap tekanan selain sumber air memuaskan yang diperolehi pada kedalaman tertentu.

Menurutnya, setakat ini, ada beberapa syarikat telah membuat permohonan kebenaran untuk melaksanakan projek berkenaan yang turut

mendapat inisiatif kerjasama Lembaga Sumber Air Negeri Kedah.

"Kita kena kaji dulu bagi kawasan yang tidak memuaskan sebab tekanan tak mencukupi.

"Biasanya bekalan air dengan kaedah itu mencukupi untuk sebilangan rumah di kawasan terjejas dan kualiti airnya sangat baik," katanya ketika melancarkan Program Modal Insan: Menyemarak Kemakmuran Memperkasa Rakyat di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata, masalah pencemaran yang berlaku di hutan simpan gunung itu adalah ber-

punca daripada aktiviti pembalakan yang tidak terancang.

"Lebih memburukkan apabila pokok hutan tidak ditanam semula dan tinggal macam tu saja. Sekarang ini, kita dah mula tanam balik jadi dia makan masa juga," katanya.

Bagi isu penanaman semula yang digantikan dengan projek penanaman durian, beliau berkata, kerajaan negeri perlu mematuhi arahan Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli yang mengesyorkan kerja-kerja penanaman semula terhadap kepada tujuh spesies pokok hutan.



Mukhriz (lima dari kiri) melancarkan Program Modal Insan Menyemarak Kemakmuran Memperkasa Rakyat di Sungai Petani semalam.